

21 JAN 2001

Mahathir-Sabah

HASRAT SABAH DAPATKAN PERUNTUKAN RM20 BILION DITIMBANG

KOTA KINABALU, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hasrat Sabah untuk mendapatkan peruntukan RM20 bilion bagi membiayai pembangunan negeri ini sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) akan dipertimbangkan.

Perdana Menteri berkata jumlah yang diminta Sabah itu adalah kira-kira 2.5 kali ganda lebih banyak daripada RM8 bilion yang diberikan sebelum ini.

"Ini kita timbang ikut kemampuan kita dan keperluan negeri lain...keperluan kerajaan pusat juga perlu diambil kira," katanya kepada pemberita ketika singgah sebentar di sini dalam perjalanan balik ke ibu negara selepas mengakhiri lawatan di Osaka, Jepun.

Semasa singgah kira-kira sejam itu, Dr Mahathir turut bertemu Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, beberapa anggota kabinet negeri dan wakil rakyat di bilik kenamaan Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini.

Mengenai perbincangan pada pertemuan itu, Dr Mahathir berkata ia termasuk permintaan Sabah untuk mendapatkan peruntukan RMK-8 serta beberapa projek besar di negeri ini seperti pembinaan kilang pulpa dan kertas serta kilang keluli yang kini dalam pelbagai peringkat perundingan.

Dr Mahathir juga yakin projek usahasama kilang pulpa dan kertas bernilai RM4.56 bilion di Kalabakan, Tawau, akan menjadi kenyataan memandangkan kebanyakan isu utama berkaitan projek itu telah diselesaikan.

Kilang berkenaan adalah hasil usahasama tiga pihak antara kerajaan negeri melalui sayap pelaburan Yayasan Sabah, Innoprise Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan Lion Management Sdn Bhd dan rakan kongsi dari China, China Fuxing Pulp & Paper Industries Ltd.

Ketika ditanya mengenai projek itu, Dr Mahathir berkata: "ia sedang berjalan lancar, hanya ada sedikit isu kecil yang perlu diselesaikan dan saya rasa ia boleh diselesaikan...kebanyakan isu telah diselesaikan."

Sementara itu, Osu ketika ditemui pemberita kemudian, turut menyatakan keyakinan bahawa perjanjian akhir mengenai pembinaan kilang berkenaan akan dapat dimeterai tidak lama lagi.

Wakil dari negara China ketika ini berada di Sabah untuk memperincikan rundingan pembinaan kilang berkenaan.

Menurut Osu, terdapat beberapa isu yang mereka perlu rujuk kepada kerajaan negara mereka terlebih dahulu sebelum menyatakan persetujuan.

"Tetapi kita telah secara keseluruhannya lebih kurang bersetuju dengan perkara-perkara yang dibincangkan," katanya.

-- BERNAMA

JS RON